




# Datejust 36

Oyster, 36 mm, Oystersteel, emas putih dan berlian



**Oyster Perpetual  
Datejust 36 ini dalam  
Oystersteel dan emas  
putih mempunyai  
permukaan putih dan  
rantai Jubilee.**




BEZEL BERTATAHKAN BERLIAN

## Satu simfoni kilauan

Penatah permata secara halus mengukir logam berharga dengan tangan agar setiap batu permata terbenam dengan sempurna. Dengan seni dan kraf seorang pembuat barang kemas, batu itu diletakkan dengan cermat sejajar dengan batu yang lain, kemudian diletakkan semula berhati-hati dalam tatakan emas atau platinum.

Selain kualiti batu-batu itu sendiri, beberapa kriteria lain juga turut menyumbang kepada keindahan penetapan permata Rolex: penjajaran ketinggian permata yang tepat, orientasi dan

kedudukan, ketetapan, kekuatan dan pembahagian penetapan serta kemasan yang rumit pada kerja logam. Satu simfoni kilauan untuk meningkatkan jam tangan dan pesona si pemakai.



PERMUKAAN PUTIH

## Kebebasan tidak terbatas

Lakuer menyatukan kebebasan warna yang hampir tidak terbatas dengan keamanan dan kemasan yang halus. Teknik penyampangan melibatkan kerja menyadur enam lapisan lakuer yang nipis secara berturut-turut pada plat asas loyang.

Varnis tanpa warna kemudiannya disapu untuk membangkitkan kedalaman dan kilauan warna. Setelah varnis kering, bahagian atas permukaan

digilap untuk menyerlahkan warna; permukaan kemudiannya sedia untuk proses percetakan pad dan tampal hias.



ROLESOR PUTIH

## Gabungan dua bahan logam

Emas menjadi idaman kerana kilauan dan keunggulannya. Keluli menguatkan ketahanan dan kebolehpercayaan. Gabungan bahan ini teradun sebati dengan sifat terbaik masing-masing.

Tanda pengenalan Rolex yang sebenar, Rolesor telah ditampilkan pada model-model Rolex sejak awal 1930-an dan ditandakan sebagai nama dagangan pada tahun 1933. Ini merupakan tonggak koleksi Oyster Perpetual.



RANTAI JUBILEE

## Selancar dan selesa

Reka bentuk, pembangunan dan penghasilan rantai dan pengancing Rolex, serta ujian ketat yang dijalani, melibatkan teknologi tinggi termaju.

Tambahan pula, seperti semua komponen jam tangan, kawalan estetika oleh mata manusia menjamin kecantikan yang sempurna. Jubilee, iaitu rantai logam yang mempunyai pautan lima keping yang lembut dan selesa, direka dan dibuat khas untuk pelancaran Oyster Perpetual Datejust pada tahun 1945.

# Lagi butiran teknikal

## Datejust

Rujukan 126284RBR

### Penutup Model

---

#### Jenis

Oyster, 36 mm, Oystersteel, emas putih dan berlian

#### Diameter

36 mm

#### Bahan

Rolesor putih

#### Bezel

Bertatahkan berlian

#### Seni Bina Oyster

Penutup tengah monoblok, penutup belakang diskrukan dan putaran jam pusingan

#### Putaran Jam

Diskrukan, sistem kalis air berganda Twinlock

#### Kristal

Nilam tahan calar, kanta Siklops di atas tarikh

#### Kekalisan Air

Kalis air hingga 100 meter / 330 kaki

### Gerakan

---

#### Jenis

Perpetual, mekanikal, automatik

#### Kaliber

3235, Buatan Rolex

#### Ketepatan

-2/+2 saat/hari, selepas penutup dipasang

**Pengayun**

Pegas rambut Parachrom biru paramagnetik. Penyerap kejutan Paraflex berprestasi tinggi

**Pemutaran**

Dwiarah automatik melalui rotor Perpetual

**Rizab kuasa**

Lebih kurang 70 jam

**Fungsi**

Jarum jam tengah, minit dan saat. Tarikh serta-merta dengan tetapan yang pantas. Penghentian jarum saat untuk tetapan masa yang tepat

## Rantai

---

**Jenis**

Jubilee, pautan lima keping

**Bahan Rantai**

Oystersteel

**Pengancing**

Oysterclasp lipat dengan pautan sambungan keselesaan 5 mm Easylink

## Permukaan

---

**Jenis**

Putih

## Pensijilan

---

**Jenis**

Superlative Chronometer (pensijilan rasmi kronometer + pensijilan Rolex selepas penutup dipasang)

# Terokai dan temui lebih lanjut di Rolex.com

**Semua hak milik intelek seperti tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama dagang, reka bentuk dan hak cipta terpelihara.**

Tiada apa-apa yang terkandung dalam laman web ini boleh diterbitkan tanpa kebenaran bertulis. Rolex berhak mengubah suai model yang dipaparkan pada laman web semasa pada setiap masa.

